

25 TAHUN MERDEKA — BERDISIPLIN GIAT MAJU

# Merdeka: Sikap ditegur



Datuk Seri Dr. Mahathir

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegur sikap setengah-setengah golongan rakyat yang menganggap Hari Kebangsaan sebagai satu perayaan yang menjadi tradisi saja.

Perdana Menteri menegaskan, anggapan seumpama itu tidak tepat sama sekali terutama jika mereka ini bersikap bahawa kemerdekaan itu suatu perkara yang sudah lama berlaku.

Dalam perutusannya di buku aturcara perayaan Hari Kebangsaan yang akan disambut Selasa ini, beliau

berkata Hari Kebangsaan sepatutnya memberi keinsafan kepada rakyat tentang nilai sayang dan hormatkan negara serta meningkatkan kesanggupan mereka untuk menyambung dan berkorban demi kepentingan dan kebahagiaan negara.

"Tempoh 25 tahun yang telah kita lalui hendaklah menjadi pengajaran kepada kita semua dan pada hari bersejarah ini, marilah sama-sama menginsafi bahawa segala yang dinikmati kini, iaitu kestabilan, kemakmuran dan kebahagiaan adalah hasil perjuangan merebut kemerdekaan," tegasnya.

Beliau mengingatkan bahawa perjuangan menuntut kemerdekaan merupakan satu perjuangan yang amat besar ertinya kepada sesuatu bangsa atau sesebuah negara.

## Tekad dan azam

Datuk Seri Dr. Mahathir mahu nilai-nilai tinggi yang dipupuk dan diperingati selama ini hasil perjuangan kemerdekaan dijadikan penyambung antara rakyat dan antara generasi demi generasi.

Beliau juga mengingatkan bahawa kemerdekaan yang tulen hanya dapat wujud dan dibekalkan menerusi nilai-

nilai kebangsaan yang tinggi, tekad dan azam yang kuat serta usaha dan perjuangan.

"Kita haruslah menjamin nilai-nilai ini sentiasa subur di hati setiap rakyat negara ini," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menyeru rakyat supaya terus berusaha meningkatkan erti kemerdekaan dengan meningkatkan sumbangan kepada kebahagiaan negara.

Beliau juga mahu rakyat menjadikan tema Hari Kebangsaan — Berdisiplin Giat Maju — sebagai pendorong ke arah kejayaan yang lebih tinggi dan bererti. — Bernama.